

Headline	1.6 juta responden terlibat Bancian Pertanian 2024		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Dec 2023	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	5	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	455 cm²
Journalist	Asliza Musa	AdValue	RM 18,677
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,032



1.6 juta responden terlibat Bancian Pertanian 2024

Oleh ASLIZA MUSA
utusanznews@mediamulia.com.my

TANJUNG MALIM: Sebanyak 1.6 juta responden yang terlibat dalam aktiviti pertanian termastuk petani dan pemain industri akan dililiti dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024 (BP 2024) pada tahun hadapan.

Ketua Perangkawatan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, jumlah itu diperoleh berdasarkan dapatan terkini melalui sesi libat urus yang dijalankan Jabatan Perangkaan (DOSM) di seluruh negara.

Katanya, sesi libat urus berkenaan melibatkan interaksi bersama 200 agensi di peringkat persekutuan dan lebih 1,000 agensi di peringkat daerah.

"Sesi libat urus yang diadakan ini adalah termasuk menyediakan soal sedilidik yang dapat menepati keperluan bagi pihak kementerian dan agensi untuk membuat perancangan.

"Alhamdulillah, selepas melaksanakan sesi berkenaan, kita telah mengadakan pengambilan pangkalan data yang ada di agensi-agensi tersebut dan ia sedang diintegrasikan.

"Pada peringkat awal ini, kita dapat banyak jurang dan ada data-data yang tidak konsisten berikutnya kali terakhir bancian



MOHD. UZIR MAHIDIN (tengah) menanam pokok pada Program Penghijauan Malaysia Bersemepena Banci Pertanian 2024 di Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) Sungai Perak. - UTUSAN/ZULFACHRI ZULKIFLI

dibuat pada tahun 2005. Jadi, kita akan cuba harmonikan semula data tersebut menerusi pemukiman bancian pertanian di 156 daerah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Penghijauan Malaysia sempena

Banci Pertanian 2024 di Dewan Sigma, Institut Latihan Statistik Malaysia di Sungai, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr. Ismail Parlani.

Pada program itu, sebanyak

350 batang anak pokok ditanam di tapak semai seluas 0.68 hektar dengan 220 batang anak pokok merupakan sumbangan FRIM manakala selebihnya pula adalah sumbangan warga DOSM.

Antara spesis pokok yang ditanam ialah pokok buah dan

pokok hutan termasuk pokok jambu, cermai, beruas, sentul, jering, pelung, gajus, kantan, meranti tembaga dan meranti seraya.

Mengulas lanjut Mohd. Uzir berkata, sesi libat urus yang dijalankan di seluruh negara itu mendapat maklum balas baik daripada semua pihak termasuk kerajaan negeri di mana rata-ratanya memaklumkan bahawa mereka memerlukan data yang banyak.

Beliau berkata, data-data itu akan digunakan untuk perancangan masa hadapan termasuk penggunaan teknologi, isu-isu modenisasi dalam sektor pertanian dan penyaluran bantuan kewangan.

"Saya sendiri telah berjumpa dengan pengamal-pengamal dalam industri ini iaitu peladang dan petani untuk kita ketahui isu-isu dan kekuatan contohnya penanaman nanas dan sayuran selain pergi melawat kawasan tanaman kekal dan sebagainya.

"Dari situ kita boleh lihat bahawa kita sebenarnya ada tindakan dan pelaksanaan serta polisi yang amat baik, cuma bagaimana ia dapat ditambah baik lagi.

"Apa yang paling penting, kita mahukan kestabilan dalam harga-harga berkaitan pertanian, ini akan menarik lebih ramai pengusaha dalam bidang pertanian," katanya.